

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI JUN 2018**

**DUB1012 : PENGAJIAN MALAYSIA**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2018**

**MASA : 8.30 PAGI - 9.30 PAGI (1 JAM)**

---

**Kertas ini mengandungi DUA BELAS (12) halaman bercetak.**

**Objektif (40 soalan)**

**Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

**(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)**

**SULIT**

**ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO1  
C1

1. Melaka terkenal sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai sebuah pentadbiran yang tersusun sepanjang tempoh kekuasaannya. Apakah sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka?

- A. Sistem Raja Mutlak
- B. Sistem Pembesar Berhierarki
- C. Sistem Pembesar Empat Lipatan
- D. Sistem Hierarki Pembesar Berempat

CLO1  
C1

2. Sistem Residen telah diperkenalkan oleh penjajah British setelah mereka menduduki Tanah Melayu. Manakah kenyataan yang **SALAH** tentang sistem ini?

- A. Kuasa Raja-raja Melayu dihadkan kepada urusan agama dan adat istiadat Melayu.
- B. Majoriti penduduk tempatan berbesar hati menerima Sistem Residen.
- C. Residen yang dilantik berkuasa dalam urusan ekonomi dan pentadbiran.
- D. British dapat mengeksploitasi sumber semulajadi negeri-negeri Melayu.

CLO1  
C1

3. Apakah matlamat sistem Residen diperkenalkan oleh pihak British di Tanah Melayu?

- A. Mendapatkan sokongan masyarakat tempatan.
- B. Memerangi kuasa-kuasa luar yang cuba menjajah negeri Perak.
- C. Membentuk dan menyelaraskan undang-undang Negeri-negeri Selat.
- D. Mewujudkan sistem pentadbiran awam dan pungutan cukai yang teratur.

CLO1  
C2

4. Berikut adalah faktor-faktor penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union **KECUALI**:

- A. Raja-raja Melayu tidak diberikan kuasa sepenuhnya sebagai pemerintah.
- B. Penggubalan Malayan Union mengambil kira pandangan pemimpin tempatan.
- C. Mengurangkan hak orang Melayu melalui pemberian kewarganegaraan secara *jus soli*.
- D. Sir Harold Mac Micheal menggunakan kekerasan dalam mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu.

CLO1  
C2

5. Manakah kenyataan yang BENAR tentang Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A. Singapura adalah sebuah negeri dalam Persekutuan.
  - B. Hak yang sama rata bagi seluruh penduduk Tanah Melayu.
  - C. Sultan berkuasa dalam negeri, dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Majlis Perundangan Negeri.
  - D. Perlembagaannya dipersetujui oleh Raja-raja Melayu dengan mengambil kira pandangan orang Melayu dan pegawai British sahaja.

CLO1  
C2

6. Proses pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman menghadapi penentangan oleh negara-negara jiran.

Apakah bentuk penentangan Indonesia terhadap pembentukan gagasan Malaysia?

- A. Penubuhan Maphilindo
- B. Pengisytiharkan Dasar Konfrontasi
- C. Menjadikan Sabah sebagai wilayah jajahannya.
- D. Menyerang wilayah-wilayah di sempadan Sabah dan Sarawak.

CLO1  
C2

7.

X

- Meninjau pendapat rakyat Borneo Utara dan Sarawak.
  - Menjalankan tugas selama 2 bulan.
  - Lapornya diambil kira dalam pembentukan perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah X?

- A. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.
- B. Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- C. Suruhanjaya Cobbold.
- D. Suruhanjaya Reid.

CLO1  
C2

8. Setelah dua tahun berada dalam Persekutuan Malaysia, akhirnya Singapura disingkirkan daripada gagasan ini. Manakah situasi yang menyumbang ke arah penyingkiran tersebut?

- A. Menuntut hak yang sama rata bagi penduduk persekutuan.
- B. Menuntut kebajikan rakyat Singapura diberi keutamaan.
- C. Memperjuang kepentingan orang Cina dalam ekonomi.
- D. Mengaut hasil ekonomi untuk kepentingan sendiri.

CLO2  
C1

9. Bagaimanakah sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dibentuk?

- A. Proses pergiliran
- B. Proses pilihanraya
- C. Perlantikan oleh Yang di-Pertuan Agong
- D. Perlantikan oleh Perdana Menteri

CLO2  
C1

10. Apakah ciri Kontrak Sosial yang diterapkan dalam perlembagaan walaupun istilahnya tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan?

- A. Semangat dan Mengalah
- B. Semangat dan Kebencian
- C. Kebencian dan Permuafakatan
- D. Tolak ansur dan Permuafakatan

CLO2  
C111. Perkara 35(6) Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa apabila Majlis Raja-Raja membincangkan perkara-perkara berikut, raja-raja boleh bertindak mengikut budi bicara mereka **KECUALI**:

- A. Memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya.
- B. Memecat anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (10) Perkara 182.
- C. Memberi ampun, *reprieve* dan *respite* atau peremitan, penggantungan atau peringanan hukuman.
- D. Memperkenankan atau tidak, apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan sesuatu negeri.

CLO2  
C1

12.

- Tiada keabdian dan kerja paksa
- Kesamarataan di sisi undang-undang
- Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak
- Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.
- Kebebasan beragama
- Kesamarataan dalam pelajaran

Apakah perkara yang merujuk kepada kenyataan di atas?

- A. Kebebasan Asasi.
- B. Sistem Persekutuan.
- C. Demokrasi Berparlimen.
- D. Kerajaan Berperwakilan.

CLO2  
C2


13. Sebelum sesuatu pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak keistimewaan orang Melayu dikuatkuasa, apakah proses kelulusan pindaan yang terlibat?
- Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen.
  - Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat perkenan Majlis Raja-Raja.
  - Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat perkenan dari Yang di-Pertuan Agong.
  - Lebih suara 2/3 dalam Majlis Parlimen dan mendapat perkenan Sultan/Yang Dipertua Negeri.

CLO2  
C2

14. Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dilantik lima tahun sekali dalam kalangan 9 orang raja-raja Melayu yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja. Manakah antara berikut BUKAN tugas YDPA?
- Mengisytiharkan darurat.
  - Melantik ahli Dewan Rakyat.
  - Memberi kuasa pengampunan.
  - Menjalankan tugas mengikut nasihat.

CLO2  
C2

15. Berdasarkan sistem pengasingan kuasa, komponen utama sistem kerajaan Malaysia adalah seperti rajah di bawah,



Apakah yang tepat untuk menggambarkan Y?

- Badan Eksekutif.
- Badan Legislatif.
- Majlis Raja-Raja.
- Majlis Peguam.

CLO2  
C2

16. *Patma berumur 30 tahun dan telah dilantik menjadi ahli di dalam Parlimen walaupun tidak bertanding semasa Pilihanraya Umum*

Apakah gelaran khas untuk Patma berdasarkan keahliannya?

- Dato
- Senator
- Datuk Seri
- Yang Berhormat

- CLO2  
C2
17. Sebelum sesuatu rang undang-undang dibentangkan di Parlimen berkuatkuasa, Manakah antara berikut merupakan peringkat yang perlu dilaksanakan dahulu?
- A. dipersetujui oleh kabinet.
  - B. diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.
  - C. diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.
  - D. dibahaskan di Parlimen sehingga 2/3 ahli dewan bersetuju.
- CLO3  
C2
18. Masyarakat Asli, Melayu dan pribumi Sabah dan Sarawak merupakan penduduk di Tanah Melayu. Apakah kategori yang sesuai dengan golongan di atas?
- A. watan
  - B. imigran
  - C. bumiputera
  - D. penghijrahan
- CLO3  
C2
19. Apakah konsep yang diterapkan oleh Kerajaan Malaysia bagi mengeratkan perpaduan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak?
- A. Pelan Integriti Nasional
  - B. Konsep Rukun Tetangga
  - C. Dasar Pecah dan Perintah
  - D. Konsep Integrasi Nasional
- CLO3  
C3
20. Manakah antara berikut pernyataan yang SALAH berkaitan dengan penghijrahan masuk kaum Cina dan India ke Tanah Melayu?
- A. Kemasukan adalah hasil penjajahan British di Tanah Melayu.
  - B. Bermotifkan untuk menjalankan aktiviti perlombongan dan pertanian.
  - C. Memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi dan hasil Tanah Melayu.
  - D. Bertujuan untuk menyebarkan agama dan budaya yang menjadi pegangan mereka.
- CLO3  
C3
21. Bagaimanakah masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka telah mencapai asimilasi dalam hubungan integrasi nasional?
- A. Melalui perkahwinan campur antara etnik dan kaum.
  - B. Percantuman dan penyatuan etnik sehingga membentuk identiti yang sama.
  - C. Mengekalkan cara hidup dan mempertahankan budaya asal masing-masing.
  - D. Kesiediaan menerima unsur kebudayaan dalam kalangan masyarakat yang lain.

CLO3  
C3

22. Manakah antara pernyataan berikut, sering dikaitkan sebagai masalah yang wujud dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?
- Perbezaan warna kulit
  - Pemisahan tempat tinggal
  - Pengasingan sistem pendidikan
  - Fahaman dan tumpuan politik pendidikan
- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. ii, iii dan iv  
D. i, ii, iii dan iv

CLO3  
C3

23. Mengapakah pengasingan sistem pendidikan dianggap antara halangan dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?
- Pembinaan sekolah Tamil di kawasan estet dengan pesat menyebabkan masyarakat Melayu terpinggir.
  - Wujud kepelbagaian sekolah mengikut kaum menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu terpisah antara satu sama lain.
  - Masyarakat Melayu diberi peluang dalam sistem pendidikan beraliran Inggeris menyebabkan masyarakat Cina tidak berpuas hati.
  - Sistem pendidikan Cina diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu menyebabkan pendidikan sekolah Melayu semakin terpinggir.

CLO3  
C3

24. Satu tragedi rusuhan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969, terutama antara kaum Melayu dan Cina.
- Antara berikut, manakah **BUKAN** tindakan yang telah diambil bagi mengembalikan keamanan?
- Penangkapan tokoh-tokoh yang mendokongi rusuhan ini.
  - Penyatuan fahaman politik antara kaum-kaum di Malaysia.
  - Bantuan ketenteraan digunakan setelah polis gagal mengawal keadaan
  - Pelaksanaan perintah berkurung di bandar Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya

- CLO3  
C3
25. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara bagi memelihara dan mengukuhkan perpaduan rakyat serta integrasi nasional?
- A. Mengisytiharkan Hari Perpaduan pada 16 Ogos setiap tahun.
  - B. Menggalakkan pengibaran bendera Malaysia pada 16 September setiap tahun.
  - C. Mendrafkan satu idealogi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara
  - D. Mengeluarkan penerbitan bersifat perpaduan seperti muhibbah, kejiranan dan lain-lain.
- CLO3  
C3
26. Apakah langkah pertama yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi mengatasi peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969?
- A. Pengisytiharan Darurat
  - B. Penubuhan Majlis Muhibbah Negara (MMN)
  - C. Penubuhan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
  - D. Pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- CLO3  
C3
27. Objektif umum Pelan Integriti Nasional adalah bagi memastikan pencapaian Wawasan 2020. Apakah tujuan utama Wawasan 2020?
- A. Malaysia negara berkeadilan.
  - B. Negara maju mengikut acuan sendiri.
  - C. Memacu negara ke arah negara miskin sifar.
  - D. Negara berstatus quo di dalam hub perbankan dunia.
- CLO3  
C3
28. Bagaimanakah kerajaan mengambil langkah mengekalkan pembangunan pesat ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995)?
- A. Memperkenalkan Majlis Amanah Rakyat (MARA).
  - B. Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam ekonomi negara.
  - C. Menyusun semula lapisan masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).
  - D. Menubuhkan Pertubuhan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS).



- CLO3  
C3
29. Salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan adalah untuk membasmi kemiskinan masyarakat Malaysia selepas merdeka. Bagaimanakah kerajaan berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut?
- Wujudkan peluang pekerjaan.
  - Memodenkan kehidupan luar bandar.
  - Mengekalkan corak pertanian tradisional.
  - Kebergantungan ekonomi melalui orang tengah.
- A. i dan ii.  
B. i dan iii.  
C. ii dan iii.  
D. ii dan iv.
- CLO3  
C3
30. Beberapa strategi telah dibentuk untuk membangunkan Dasar Belia Negara. Manakah kenyataan yang **PALING TEPAT**?
- Membina sosiobudaya dan kerohanian seimbang.
  - Pemupukan nilai-nilai kebudayaan agar lebih dinamik.
  - Meninggikan taraf hidup ekonomi dan mutu kebudayaan.
  - Pembangunan kemahiran dan keusahawanan untuk mempersiapkan belia dengan teknologi terkini.
- CLO3  
C3
31. Apakah objektif yang ingin dicapai oleh kerajaan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.
  - Mengelakkan percampuran budaya yang berbilang kaum.
  - Memperkayakan dan memelihara keperibadian kebangsaan.
  - Membentuk kerohanian yang seimbang dengan pembangunan.
- A. i, ii dan iii.  
B. i, ii dan iv.  
C. i, iii dan iv.  
D. ii, iii dan iv.

Soalan 32 berdasarkan pernyataan di bawah:

- Ahmad bekerja sebagai pegawai bank di salah sebuah bank yang terkemuka. Setiap kali berurusan dengan pelanggan, beliau akan memindahkan 10 sen sahaja dari akaun setiap pelanggan ke dalam akaun peribadinya.

CLO3  
C3

32. Apakah perkara yang merujuk kepada kenyataan di atas?

- A. Menghakis nilai-nilai integriti dalam kerja.
- B. Menjejaskan pendapatan semasa pihak bank.
- C. Menyalahi kod etika kerja kerana terlibat rasuah.
- D. Melanggar disiplin dalam melaksanakan tugas.

CLO3  
C3

33. Apakah persamaan yang ketara antara NAM dan KOMANWEL?

- A. Malaysia membincangkan hal berkaitan dengan pendidikan di pertubuhan di atas.
- B. Persefahaman di antara negara anggota diukur melalui kehadiran mesyuarat Pertubuhan.
- C. Malaysia memberi pendapat dalam isu keamanan sejagat di persidangan pertubuhan di atas.
- D. Malaysia telah di beri kepercayaan menganjurkan acara yang berkaitan pertubuhan di atas.

CLO3  
C3

34. ASEAN telah bersetuju mewujudkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. ZOPFAN.
- B. INOTEC.
- C. RESCAM.
- D. TROMPED.

CLO3  
C3

35. Matlamat pertubuhan ini adalah untuk mewujudkan persahabatan dan perpaduan, pendidikan dan perundangan yang baik antara semua negara bekas jajahan British. Apakah pertubuhan yang merujuk kepada matlamat di atas?

- A. PBB
- B. NAM
- C. ASEAN
- D. KOMANWEL

CLO3  
C336. Manakah antara berikut **BUKAN** matlamat penubuhan PBB?

- A. Mewujudkan masyarakat dunia yang aman.
- B. Menjamin kedaulatan dan hak semua negara anggota.
- C. Mengelakkan negara-negara anggota terlibat dalam peperangan ideologi.
- D. Tidak ada negara yang boleh campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

CLO3  
C3

37. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah ditubuhkan di Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Manakah antara berikut merupakan peranan JAS?

- i. Menguatkuasakan undang-undang terhadap pencemaran alam sekitar
- ii. Mengadakan kempen-kempen kesedaran mengenai pencemaran di seluruh Malaysia
- iii. Mewujudkan Dasar Alam Sekitar bagi menjadikan Malaysia negara bersih, selamat dan sihat.
- iv. Meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

- A. i dan ii.
- B. ii dan iii.
- C. ii, iii dan iv.
- D. i, ii, iii dan iv.

CLO3  
C3

38. Pemanasan global, penipisan lapisan ozon, pencairan ais di Kutub Utara dan hujan asid merupakan kesan daripada pencemaran. Apakah jenis pencemaran yang merujuk kepada kesan di atas?

- A. Bunyi.
- B. Udara.
- C. Darat.
- D. Air.

CLO3  
C3

39. Bagaimanakah langkah yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia bagi menangani masalah pencemaran alam?

- A. Mengadakan jaringan hubungan dengan pihak luar.
- B. Menjalankan aktiviti-aktiviti pembalakan dengan aktif.
- C. Membuang sampah pada tempat awam yang tidak sepatutnya.
- D. Menguatkuasakan undang-undang serta mengadakan kempen kesedaran.

CLO3  
C3

40. Tindakan Pembangunan Modal Insan dilaksanakan mengikut bidang tertentu. Apakah tindakan Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang sosial?
- A. Menubuhkan Institut Integriti Nasional.
  - B. Memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara.
  - C. Memperkenalkan Program *Human Capital Development*.
  - D. Melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

#### SOALAN TAMAT